

Jalin kerjasama aktiviti sosial

► FPP UMS meterai Lol dengan JPKA Sabah

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Satu Perjanjian Surat Hasrat (LoI) Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) Sabah berjaya dimeterai dalam satu majlis yang diadakan, di sini pada Selasa.

LoI diadakan sebagai menyatakan hasrat untuk menjalinkan kerjasama yang lebih mapan berkaitan kerjasama sosial antara FPP dengan JPKA Sabah.

“Kerja sosial adalah satu profesion yang meliputi perkhidmatan memberi fokus untuk menangani masalah serta meningkatkan fungsi sosial serta taraf hidup.”

PROF. DR. MOHD DAHLAN A MALEK
Dekan FPP UMS



DAHLAN (kiri) bertukar dokumen Lol dengan Noor.

Dalam majlis yang sama borang 'Volunteer to Institution' (V2I) turut diserahkan kepada JPKA Sabah iaitu program sukarelawan yang akan melibatkan pelajar berinteraksi bersama klien bersesuaian dengan kemahiran serta minat mereka.

Program sukarelawan adalah satu usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat

(JKM) bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat.

JKM dalam pada itu merangka satu program sukarelawan kebajikan khusus kepada pelajar-pelajar universiti dan institut latihan.

Dekan FPP UMS Prof. Dr. Mohd Dahlan A Malek berkata, kelestarian komuniti dan alam sekitar memberi fokus kepada peranan pekerja sosial untuk

terus menyumbang ke arah mempromosi pembangunan komuniti serta alam sekitar secara berterusan.

“Kerja sosial adalah satu profesion yang meliputi perkhidmatan memberi fokus untuk menangani masalah serta meningkatkan fungsi sosial serta taraf hidup,”katanya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Pengarah JPKA Sabah Mohd Noor Wahab.